

# MODUL PdPR

## BAHASA MELAYU Tahun 6

Disediakan oleh : Cikgu Desmond

Hari : Isnin

Tarikh : 14 Jun 2021

Masa : 0730 - 1005

Tajuk : Sehati Memburu Impian

Standard Pembelajaran : 5.2.3 Memahami dan menggunakan pelbagai kata majmuk dalam pelbagai situasi dengan betul.


Objektif Pembelajaran : Di akhir pembelajaran ini, murid dapat:

1. membaca dan memahami maklumat,
2. membina ayat dengan menggunakan kata majmuk yang betul.

### Arahan:

1. Murid-murid dikehendaki membaca buku teks muka surat 86. Sekiranya tiada buku teks, sila muat turun (download) buku teks yang cikgu sudah berikan di WhatsApp kelas.
2. Murid membaca dan memahami maklumat yang diberikan di dalam teks.
3. Murid melengkapkan perenggan teks dengan menggunakan kata majmuk yang betul.
4. Murid merakam audio petikan teks yang telah lengkap. Rakaman audio hantar kepada cikgu.

# NOTA KELAS :



## JENIS KATA MAJMUK

<b>1. Kata Majmuk Bebas</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• bakul sampah</li><li>• papan tulis</li><li>• kolam renang</li><li>• ibu bapa</li><li>• balai polis</li><li>• jam tangan</li><li>• Pengetua sekolah</li></ul>	<b>2. Kata Majmuk Kiasan</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• campur tangan</li><li>• geli hati</li><li>• baik hati</li><li>• ringan tulang</li><li>• naik angin</li><li>• beri muka</li><li>• susah payah</li></ul>	<b>3. Kata Majmuk Istilah Khusus</b> <ul style="list-style-type: none"><li>• karbon dioksida</li><li>• teknologi maklumat</li><li>• program bahasa</li><li>• telefon mudah alih</li><li>• reka bentuk</li><li>• pita suara</li></ul>																
<b>4. Kata Majmuk yang sudah mantap dieja sebagai satu perkataan</b> <table><tbody><tr><td>antarabangsa</td><td>kakitangan</td><td>pesuruhjaya</td><td>tandatangan</td></tr><tr><td>beritahu</td><td>kerjasama</td><td>sukarela</td><td>tanggungjawab</td></tr><tr><td>bumiputera</td><td>matahari</td><td>suruhanjaya</td><td>warganegara</td></tr><tr><td>jawatankuasa</td><td>olahraga</td><td>setiausaha</td><td></td></tr></tbody></table>			antarabangsa	kakitangan	pesuruhjaya	tandatangan	beritahu	kerjasama	sukarela	tanggungjawab	bumiputera	matahari	suruhanjaya	warganegara	jawatankuasa	olahraga	setiausaha	
antarabangsa	kakitangan	pesuruhjaya	tandatangan															
beritahu	kerjasama	sukarela	tanggungjawab															
bumiputera	matahari	suruhanjaya	warganegara															
jawatankuasa	olahraga	setiausaha																

## LATIHAN:

BACA ARAHAN DENGAN TELITI.

1. Lengkapkan cerita tentang teks dan gambar dengan mengisi tempat kosong menggunakan kata majmuk yang betul. Rujuk Buku teks muka surat 86.
2. Kemudian rakam audio petikan teks yang sudah lengkap (yang sudah siap dijawab. Hantar kepada cikgu.)
3. **SALIN LATIHAN di dalam buku latihan Pemahaman. GUNA PENSIL.**

Pada minggu lalu, Izuni sekeluarga berkunjung ke Resort Seri Muhibah. Resort itu terletak di satu kawasan hutan rekreasi.

Izuni pergi ke sana kerana mengikut ayahnya menghadiri program "Sehati Memburu Impian" yang dianjurkan oleh syarikat tempat ayah Izuni bekerja.

Ayah Izuni serta semua kakitangan syarikat hadir dalam program tersebut. Kakitangan syarikat terdiri daripada pelbagai bangsa.

Pihat resort telah menyediakan atur cara yang menarik. \_\_\_\_\_ itu dirancang untuk mengeratkan hubungan dan memupuk perpaduan. Antaranya termasuklah acara \_\_\_\_\_ seperti \_\_\_\_\_ dan perlawanan \_\_\_\_\_ bagi lelaki dan \_\_\_\_\_ bagi wanita. Selain itu, acara \_\_\_\_\_ juga diadakan. Acara tersebut diadakan di \_\_\_\_\_ resort berkenaan.

Setelah Izuni sekeluarga tiba di Resort Seri Muhibah, mereka disambut oleh Encik Hong. Encik Hong ialah \_\_\_\_\_ di Resort berkenaan. Beliau memakai \_\_\_\_\_ dan ber\_\_\_\_\_. Pada hari itu, beliau memakai kemeja yang berwarna \_\_\_\_\_. Beliau merupakan kawan lama ayah Izuni. Beliau seorang yang ber\_\_\_\_\_ dan ber\_\_\_\_\_. Beliau sering berbual mesra dengan tetamu yang berkunjung ke resort tersebut. Beliau juga mudah memberikan \_\_\_\_\_. Beliaulah orang yang membina \_\_\_\_\_ rumah-rumah penginapan di resort itu.